



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DAN PENCAPAIAN
PELAJAR PELBAGAI KATEGORI KEAKTIFAN DALAM
PENDIDIKAN JASMANI**

JULISMAH BINTI JANI

FPP 2000 13

**MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DAN PENCAPAIAN
PELAJAR PELBAGAI KATEGORI KEAKTIFAN DALAM
PENDIDIKAN JASMANI**

Oleh

JULISMAH BINTI JANI

**Tesis yang dikemukakan untuk Memenuhi Syarat
bagi Mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah
di *Fakulti Pengajian Pendidikan*
Universiti Putra Malaysia**

FEBRUARI 2000



Khas untuk rakan-rakau seperjuangan ...

**Sesungguhnya Pendidikan Jasmani adalah
pendidikan sepanjang hayat.**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

**MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DAN PENCAPAIAN
PELAJAR PELBAGAI KATEGORI KEAKTIFAN DALAM
PENDIDIKAN JASMANI**

oleh

JULISMAH BINTI JANI

Februari 2000

Pengerusi: Siti Rehani Che Hussain, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Pelajar perlu menguasai masa pembelajaran akademik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk memperoleh pencapaian akademik dalam Pendidikan Jasmani. Justeru itu, kajian ini ialah untuk menentukan sejauh mana hubungan masa pembelajaran akademik dan tahap keaktifan pelajar dalam bidang sukan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani.

Seramai 78 orang pelajar tingkatan satu di empat buah sekolah menengah dari zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah subjek di dalam kajian ini. Subjek terbahagi kepada tiga aras kategori keaktifan, iaitu pelajar aktif, pelajar sederhana aktif dan pelajar kurang aktif dalam bidang sukan.

Sebanyak 7020 jeda masa pembelajaran akademik bagi ketiga-tiga kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan dikumpul melalui lima kali pemerhatian berdasarkan model Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani (MPA-PJ) yang diubahsuai daripada Siedentop, Tousignant dan Parker (1982). Manakala 78 data pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani dikumpul melalui ujian kognitif, ujian afektif dan ujian psikomotor. Data masa pembelajaran akademik bagi ketiga-tiga kategori keaktifan pelajar dan data pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani dianalisis secara ujian statistik regresi pelbagai.

Keputusan kajian mendapati wujudnya hubungan yang signifikan ($p < .01$) di antara masa pembelajaran akademik dan kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan terhadap pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani. Hubungan tersebut menjelaskan 71 peratus ubahan di dalam pencapaian pelajar adalah dipengaruhi oleh pembolehubah masa pembelajaran akademik dan kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan.

Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa proses pengajaran Pendidikan Jasmani hendaklah berfokus kepada masa pembelajaran akademik. Justeru itu, guru perlu memikirkan strategi yang melibatkan pelajar bergiat aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar menguasai pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy.

**ACADEMIC LEARNING TIME AND STUDENTS'
ACHIEVEMENT OF MULTIPLE CATEGORIES ACTIVENESS IN
PHYSICAL EDUCATION**

By

JULISMAH JANI

February 2000

Chairperson: Siti Rehani Che Hussain, Ph.D.

Faculty: Educational Studies

Students should acquire academic learning time in the teaching and learning process to possess academic achievement in physical education. Thus the purpose of this study was to find the relationship between the academic learning time and level of student's activeness in sports with student's achievement in physical education.

Seventy eight form one students from four secondary schools in Pudu zone, in Federal Territory of Kuala Lumpur were the subjects of the study. The subjects were grouped into three levels of activeness in sports namely high, medium and low categories.

As much as 7020 of academic learning time intervals were gathered through five series of observations by using an Academic Learning Time - Physical Education (ALT-PE) model modified from Siedentop's, Tousignant's and Parker's (1982) Seventy eight data on students' achievement in physical education were gathered through a cognitive test, affective test and the psychomotor test Multiple regression was used to analyze the data.

The findings delineate significant ($p < .01$) relationship between academic learning time and categories of students' activeness in sports with students' achievement in physical education. Seventy one percent of the variance in students' achievement is due to the variables on academic learning time and categories of students' activeness in sports

The results of the study implied that academic learning time should be the focus in physical education teaching Hence, physical education teachers should think of strategies that would increase students participation in the learning and teaching process to acquire academic achievement in physical education.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S. A. W. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat jua akhirnya saya menyiapkan tesis ini.

Saya amat terhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya. Teristimewa buat Dr. Siti Rehani Che Hussain selaku Pengerusi, ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas keikhlasan dan kegigihan beliau baik dari segi masa dan tenaga dalam membimbing serta memberi saranan membina supaya tesis ini dapat dipersembahkan dengan jelas dan berkesan. Sikap dan pengetahuan profesional beliau di dalam bidang penyelidikan sangat saya kagumi dan insyallah saya akan memanfaatkan ilmu dan pengalaman dalam bidang penyelidikan sebaik mungkin di dalam kerjaya saya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Mohd. Majid Konting dan Profesor Dr. Hj. Noran Fauziah Yaakub yang tidak kurang di dalam memberikan kritikan yang membina dan keikhlasan membimbing saya di sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Kedua-dua ahli jawatankuasa penyeliaan ini telah menyumbangkan ide, sedia mendengar, berasa selesa semasa berbincang dan cepat di dalam memberikan tindak balas demi menghasilkan tesis yang bermutu. Budi baik dan jasa daripada semua Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya, amat saya hargai dan akan saya teladani demi kebaikan profesion pendidikan.

Di samping itu, ucapan jutaan terima kasih saya tujukan kepada semua pengetua, guru dan pelajar yang terlibat secara langsung dengan kajian ini terutama di Sekolah Menengah Bandar Tun Razak Jalan Cheras, Sekolah Menengah Connaught Jalan Cheras, Sekolah Menengah Cheras Jalan Tenteram, Sekolah Menengah Sungai Besi Jalan Sungai Besi, Sekolah Menengah Taman Desa (2), Jalan Kelang Lama dan Sekolah Menengah Khir Johari, Tanjong Malim Perak. Ucapan penghargaan ini adalah di atas kebenaran dan kerjasama yang diberi semasa saya menjalankan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Yayasan Negeri Johor dan Syarikat Canggih-Mewah, Johor Bahru yang sudi membiayai sekadar cuma pengajian saya ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga nilainya khas buat ayahbonda dan keluarga yang sentiasa mendoa agar cita-cita saya memperoleh kejayaan. Kepada rakan-rakan, ucapan ribuan terima kasih kerana memberi sokongan moral dan emosi untuk saya meneruskan pengajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam memberikan bantuan dalam bentuk apa jua sekalipun kepada saya.

Sesungguhnya hasil tesis ini adalah berkat usahasama, tunjuk ajar dan sumbangan daripada pelbagai pihak. Segala bantuan dan doa yang ditujukan kepada saya, semoga mendapat rahmat daripadaNya. Hanya Allah yang dapat membalas jasa dan budi baik pihak-pihak yang terlibat dengan kajian ini. Amin.

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
SURAT PENGESAHAN	ix
SURAT PENGAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	2
	Isu Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	6
	Implikasi Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	8
	Pernyataan Masalah	10
	Soalan Kajian	12
	Hipotesis Kajian	14
	Definisi Operasional	14
	Pendidikan Jasmani	15
	Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	15
	Kategori Keaktifan Pelajar	19
	Pencapaian Pelajar	21
	Batasan Kajian	23
	Kepentingan Kajian	25
II	SOROTAN LITERATUR	30
	Konseptual Teoritis	32
	Teori-Teori Pembelajaran	32
	Model Masa dan Pembelajaran	42
	Model Masa Pembelajaran Akademik	43



Kajian Masa Pembelajaran Akademik dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	48
Rumusan Sorotan Literatur	66
III METODOLOGI	72
Rekabentuk	72
Pembolehkan	73
Kerangka Kajian	74
Instrumentasi	82
Kajian Rintis	83
Alat Ukur Masa Pembelajaran Akademik – Pendidikan Jasmani	87
Alat Ukur Ujian Kognitif	108
Alat Ukur Ujian Afektif	110
Alat Ukur Ujian Psikomotor	113
Sampel Kajian	117
Proses Pemilihan Tempat	117
Proses Pemilihan Sampel	119
Kaedah Menentukan Saiz Sampel	127
Proses Mengumpul Data	129
Proses Analisis Data	132
Statistik Deskriptif	134
Statistik Inferensi	135
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN	138
Masa Pembelajaran Akademik dan Kategori Keaktifan Pelajar terhadap Keseluruhan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	138
Masa Kognitif dan Kategori Keaktifan Pelajar dengan Pencapaian Kognitif dalam Pendidikan Jasmani	154
Masa Afektif dan Kategori Keaktifan Pelajar dengan Pencapaian Afektif dalam Pendidikan Jasmani	161
Masa Ketepatan Motor dan Kategori Keaktifan Pelajar dengan Pencapaian Psikomotor dalam Pendidikan Jasmani	166
Perbezaan Min di antara Aras Kategori Keaktifan Pelajar dalam Bidang Sukan	174
Rumusan Keputusan Kajian	178

V	KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN	182
	Kesimpulan	182
	Soalan	183
	Rekabentuk	184
	Analisis Data	185
	Dapatan	186
	Kesimpulan dan Implikasi	188
	Cadangan	189
	RUJUKAN	196
	LAMPIRAN	204
	LAMPIRAN A: Alat Ukur Masa Pembelajaran Akademik-Pendidikan Jasmani	204
	LAMPIRAN B: Alat Ukur Ujian Pencapaian Pendidikan Jasmani	207
	LAMPIRAN B-1: Ujian Kognitif	208
	LAMPIRAN B-2: Skema Jawapan Ujian Kognitif Permainan Bola Tampar Kemahiran Menyangga	211
	LAMPIRAN B-3: Ujian Afektif	212
	LAMPIRAN B-4: Skema Penilaian Ujian Afektif	215
	LAMPIRAN B-5: Ujian Psikomotor	216
	LAMPIRAN B-6: Rekod Ujian Kemahiran Menyangga (Bola Tampar)	218
	LAMPIRAN C: Jadual Penentu Saiz Sampel	219
	LAMPIRAN D: Borang Pemilihan Kategori Pelajar	220
	LAMPIRAN E: Jadual Taburan Nombor Rawak	222
	LAMPIRAN F: Surat-Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	223
	LAMPIRAN F-1: Surat Kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia	224
	LAMPIRAN F-2: Surat Kebenaran dari Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	225
	LAMPIRAN G: Semakan Audit	226
	VITA	229

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Statistik Bilangan Pelajar Setiap Kelas	121
2 Saiz Sampel Kajian mengikut Kategori	129
3 Contoh Rekod Hasil Pemerhatian dalam Lembaran Jeda Berkod	134
4 Min Masa Pembelajaran Akademik dan Keseluruhan Pencapaian bagi Kesemua Kategori Keaktifan Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	139
5 Analisis Regresi Pelbagai Masa Pembelajaran Akademik dan Kategori Keaktifan Pelajar dengan Pencapaian Keseluruhan (N=78)	140
6 Koefisi Regresi Pelbagai Masa Pembelajaran Akademik dan Kategori Keaktifan Pelajar terhadap Keseluruhan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	141
7 Min Masa Pembelajaran Akademik dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Jasmani mengikut Kategori Keaktifan Pelajar dalam Bidang Sukan	152
8 Analisis Regresi Pelbagai Masa Kognitif dan Kategori Keaktifan Pelajar dengan Pencapaian Kognitif (N=78) ..	155
9 Koefisi Regresi Pelbagai Masa Kognitif dan Kategori Keaktifan Pelajar terhadap Pencapaian Kognitif Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	156
10 Analisis Regresi Pelbagai Masa Afektif dan Kategori Keaktifan Pelajar dengan Pencapaian Afektif (N=78) ...	161

11	Koefisi Regresi Pelbagai Masa Afektif dan Kategori Keaktifan Pelajar terhadap Pencapaian Afektif Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	162
12	Analisis Regresi Pelbagai Masa Ketepatan Motor dan Kategori Keaktifan Pelajar dengan Pencapaian Psikomotor (N=78)	166
13	Koefisi Regresi Pelbagai Masa Ketepatan Motor dan Kategori Keaktifan Pelajar terhadap Pencapaian Psikomotor Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	167
14	Ringkasan Keseluruhan Keputusan Analisis Regresi dan Ujian Pelbagai Perbandingan antara Min	179

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Model Teori Pembelajaran Gagne: Proses tindak balas pembelajaran yang berlaku di dalam sistem saraf melalui deria-deria seseorang, hasil daripada rangsangan persekitaran (Gagne, 1985).	33
2	Kerangka Teori: Hubungan di antara masa pembelajaran akademik dengan kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan terhadap pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani.	71
3	Kerangka Kajian: Hubungan di antara pembolehubah proses dan kategori keaktifan pelajar dengan pembolehubah hasil melalui kaedah pemerhatian berdasarkan ubahsuaian daripada model masa dan pembelajaran	75
4	Proses melaksanakan kajian tentang masa pembelajaran akademik dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani.	77
5	Proses pemilihan sampel kajian bermula dari menentukan jenis sekolah, diikuti dengan kriteria pemilihan sekolah, kriteria pemilihan pelajar dan subjek kajian.	119
6	Titik taburan regresi masa pembelajaran akademik dan kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan ke atas keseluruhan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani.	144

7	Carta bar peratus masa kognitif dan pencapaian kognitif pelajar dalam Pendidikan Jasmani mengikut kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan.	158
8	Carta bar peratus masa afektif dan pencapaian afektif pelajar dalam Pendidikan Jasmani mengikut kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan.	164
9	Carta bar peratus masa ketepatan motor dan pencapaian psikomotor pelajar dalam Pendidikan Jasmani mengikut kategori keaktifan pelajar dalam bidang sukan.	169

SENARAI SINGKATAN

AAHPER	-	“American Alliance Health, Physical Education and Recreation”
ALT-PE	-	“Academic Learning Time-Physical Education”
ANCOVA	-	“Analysis of covariance”
ANOVA	-	“Analysis of variance”
ASUOI	-	“Arizona State University Observation Instrument”
BTES	-	“Beginning Teacher Evaluation Study”
IOA	-	“Interobserver Agreement”
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPA	-	Masa Pembelajaran Akademik
MPA-PJ	-	Masa Pembelajaran Akademik-Pendidikan Jasmani
PJK	-	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	“Statistical Package for Social Sciences”

BAB I

PENDAHULUAN

Pembelajaran adalah perubahan tingkah laku individu hasil daripada proses dalaman yang melibatkan sistem saraf bertindak balas terhadap pengalaman, latihan atau interaksi individu dengan persekitarannya (Gagne, 1985). Melalui proses pembelajaran, individu dapat menguasai pengetahuan, meningkatkan kefahaman, membina kecekapan kemahiran, membentuk sikap dan memupuk nilai-nilai yang diingini masyarakat. Tujuan pembelajaran tersebut selaras dengan Matlamat Pendidikan di Malaysia yang mana proses pembelajaran adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 1992).

Merujuk kepada konsep pembelajaran di atas, mata pelajaran Pendidikan Jasmani perlu dilaksanakan dalam konteks pendidikan yang berkesan. Surat pekeliling ikhtisas Bilangan 25/1998 memaklumkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah mata pelajaran teras dan perlu dilaksanakan seperti yang diperuntukan dalam Akta Pendidikan 1996. Pelaksanaan mata pelajaran tersebut hendaklah berlandaskan kepada pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti yang terkandung di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani melalui pergerakan fizikal.

Dengan ini, proses pengajaran Pendidikan Jasmani seharusnya tertumpu kepada penguasaan pelajar terhadap pembelajaran akademik. Bagi memenuhi keperluan tersebut masa pembelajaran akademik yang maksimum perlu diperuntukan di sepanjang sesi pelajaran Pendidikan Jasmani. Surat pekeliling ikhtisas Bilangan 25/1998 memaklumkan bahawa peruntukan masa bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah adalah sebanyak 60 waktu setahun dan setiap waktu adalah sebanyak 40 minit. Masa yang diperuntukan dalam jadual waktu Pendidikan Jasmani di sekolah menengah hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya dengan masa pembelajaran akademik.

Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani

Masa pembelajaran akademik ialah kadar masa pelajar mencapai kejayaan semasa melaksanakan tugas belajar dalam Pendidikan Jasmani (Berliner, 1987). Kriteria kejayaan dalam tugas belajar adalah seperti tingkah laku pelajar melakukan pergerakan-pergerakan motor dengan teknik yang betul dalam kemahiran sukan, mendengar, memerhati dan mengambil bahagian dalam aktiviti latihan, berkebolehan untuk mereka cipta dan meneroka pergerakan-pergerakan di dalam Pendidikan Pergerakan atau dapat memberikan jawapan dan penerangan terhadap soalan-soalan yang berkaitan dengan kemahiran sukan.

Manakala tugas belajar dalam Pendidikan Jasmani bermaksud pelajar melakukan aktiviti kandungan pengajaran seperti memanaskan atau menyejukkan badan, latihan kemahiran atau permainan kecil yang disediakan guru untuk menguasai pembelajaran dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Pelajar melakukan aktiviti kandungan pengajaran untuk menguasai pembelajaran kognitif seperti menunjukkan tingkah laku menyusun strategi permainan dan mengaplikasikan undang-undang dalam permainan. Pelajar menguasai pembelajaran afektif dengan menunjukkan tingkah laku bersosial seperti berinteraksi sesama kawan dalam kumpulan dan bekerjasama semasa aktiviti bermain dijalankan. Pelajar turut diberi tugas belajar untuk melakukan latihan kemahiran secara latih tubi, mengadakan aktiviti latih main dan aktiviti latihan kecergasan ke arah mencapai pembelajaran psikomotor.

Menurut Krasner dan Ullman (1992), hasil daripada kejayaan dalam tugas belajar melibatkan pelajar berasa puas, seronok dan bermotivasi untuk berusaha melakukan dan melaksanakan tugas tersebut dengan baik. Fungsi kejayaan adalah sebagai ganjaran atau peneguhan bagi menentukan darjah kepuasan yang dirasakan pelajar. Tingkah laku pelajar yang terdorong ke arah melaksanakan sesuatu tugas belajar dengan jayanya mempunyai kecenderungan untuk mencapai pembelajaran dalam kemahiran yang dipelajarinya.

Kajian Siedentop, Birdwell dan Metzler, (1979); Siedentop, Tousignant dan Parker (1982); Silverman (1993); Lacy, LaMaster dan Tommaney (1996) mendapati bahawa masa pembelajaran akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan

pencapaian pelajar dalam Pendidikan Jasmani. Kajian-kajian tersebut menggunakan format pemerhatian “Academic Learning Time-Physical Education Version II” yang di pelopori dari kajian Siedentop, Tousignant dan Parker (1982).

Silverman, Devillier dan Ramirez (1991) pula mengatakan bahawa masa pembelajaran akademik adalah kriteria pembolehubah yang bertanggungjawab (akauntabiliti) serta dapat memberikan jawapan terhadap penguasaan pembelajaran akademik seseorang pelajar dalam Pendidikan Jasmani.

Menurut Silverman (1993) masa pembelajaran akademik menggambarkan satu pengukuran masa terhadap pembelajaran seseorang pelajar. Pembelajaran tersebut bergantung kepada keperluan dan kebolehan pelajar melaksanakan tugas yang menepati objektif pembelajaran. Keperluan dan kebolehan pelajar mempunyai hubungan di dalam menentukan penguasaan pembelajaran dan pencapaian pelajar di dalam pelajarannya (Silverman, 1993). Kadar penguasaan pembelajaran berbeza dari seseorang pelajar ke seseorang pelajar yang lain. Pelajar yang aktif meluangkan masa dalam tugas belajar mengikut keperluan dan kebolehannya, dapat menguasai tugas belajar dengan jayanya (Deary dan Stough, 1996). Pelajar yang aktif dan berminat terhadap tugas belajar memperoleh kadar masa pembelajaran akademik yang tinggi berbanding pelajar yang kurang aktif dan kurang berminat di dalam tugas belajarnya (Cousineau dan Luke, 1990). Kajian Anderson, Brubaker, Alleman-Brooks dan Duffy (1985) mendapati pelajar yang kurang aktif dalam bidang sukan merasakan sesuatu tugas belajar yang diikuti adalah di luar kemampuannya. Pelajar tersebut tidak

berjaya melaksanakan sesuatu tugas belajar yang dapat memenuhi objektif pembelajaran. Sebaliknya, pelajar yang aktif dalam bidang sukan dapat melaksanakan tugas belajar dengan jayanya.

Beauchamp, Darst dan Thompson (1990) mendapati masa pembelajaran akademik adalah petunjuk sama ada sesuatu program pengajaran pembelajaran yang dirancang guru dapat memenuhi kehendak dan kebolehan pelajar. Perkara ini dapat dilihat melalui tingkah laku pelajar sama ada pelajar berjaya melakukan tugas belajar yang menepati objektif pembelajaran dan berdasarkan kadar masa pembelajaran akademik yang dikuasai pelajar di sepanjang sesi pelajaran Pendidikan Jasmani. Petunjuk tersebut turut menentukan sama ada sesuatu program itu berkualiti atau tidak.

Merujuk kepada kajian-kajian yang tersebut di atas, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah di Malaysia seharusnya memberi penekanan terhadap masa pembelajaran akademik kepada pelajar. Guru perlu merancang strategi pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran di samping memotivasikan pelajar untuk melakukan sesuatu tugas belajar dengan jayanya. Tugas belajar hendaklah bermakna dan bersesuaian dengan kebolehan dan minat pelajar (Siedentop, Mand dan Taggart, 1986).

Dalam melaksanakan kandungan pengajaran, guru perlu memperuntukkan masa pembelajaran akademik supaya pelajar dapat melaksanakan tugas belajar ke arah mencapai pembelajaran dalam Pendidikan Jasmani. Pelajar perlu diberi peluang dan